

### Objektif

- i. Memahami bahagian tubuh haiwan dan fungsinya.
- ii. Membina model haiwan mengikut ketetapan ciri yang diberikan guru.



### Bahan

- Playdoh atau plastisin
- Kertas warna dan gunting
- Gam dan kadbod
- Lidi pencungkil gigi

### Aktiviti

- 1 Murid membentuk haiwan menggunakan plastisin atau kertas lipat mengikut ketetapan ciri yang diberikan guru:
  - Bersisik
  - Berkaki dua
  - Kaki selaput renang
  - Berekor
  - Mempunyai kepak
  - Mempunyai sesungut
- 2 Murid menyambungkan bahagian badan haiwan menggunakan gam atau pencungkil gigi.
- 3 Murid dikehendaki melabel setiap bahagian tubuh haiwan.
- 4 Pada akhir kelas, murid diminta untuk membentangkan di hadapan kelas mengenai haiwan yang dibina berserta fungsi bahagian tubuh haiwan tersebut.